

20 AUG 2000

Khair-Exco

EXCO KERAJAAN NEGERI SELANGOR DIJANGKA DIROMBAK

SEKINCHAN, 20 Ogos (Bernama) -- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dijangka dirombak selepas majlis angkat sumpah Menteri Besar Selangor yang baru, Dr Mohamad Khir Toyo pada Khamis ini.

Khair bagaimanapun enggan mendedahkan sekiranya ada kalangan anggota exco akan digugurkan daripada jawatan mereka tetapi sekadar berkata rombakan daripada segi jawatan mereka akan tetap dibuat.

Beliau akan berusaha mendapatkan maklum balas daripada para pemimpin, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri untuk menilai prestasi semua 10 exco itu sebelum membuat keputusan mengenai rombakan.

"Saya juga akan dapatkan nasihat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib sebelum rombakan itu diumumkan," katanya semasa ditemui di kediamannya di Taman Ria Jaya di sini, hari ini.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan akan mewujudkan portfolio baru di samping menukar portfolio sedia ada beberapa anggota Exco bagi melicinkan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri.

Khair seterusnya berkata, semua anggota Exco itu akan diminta mengisytiharkan harta masing-masing selepas menghadiri majlis angkat sumpah Menteri Besar pada Khamis ini.

Beliau berkata, pengisytiharan itu adalah prosedur biasa yang perlu dilakukan oleh mana-mana anggota Exco dan pernah dilaksanakan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri yang terdahulu.

Menurut beliau, langkah itu bertujuan mencerminkan kepimpinan serta pentadbiran Kerajaan Negeri yang telus dan boleh dipercayai.

Sementara itu, Khair petang ini mengunjungi 100 bekas penyokong PAS yang ingin meninggalkan parti itu dan menyertai Umno, sekaligus membuka satu cawangan baru Umno di Batu 10, Parit 10, Sungai Panjang di sini.

-- BERNAMA

AZH PR